

# — PM janji siasat pencerobohan nelayan luar

BH - 5 OCT 1987

(P)  
KUALA TERENGGANU, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan menyiasat dengan rapi dakwaan nelayan tempatan bahawa antara 150 dan 1,000 bot nelayan asing mencero-  
bohi perairan negara.

Sementara menunggu penyiasatan itu, beliau mengarahkan pihak berkua-

sa meningkatkan rondaan laut yang lebih meluas untuk menentukan kepentingan nelayan tempatan diberi perlindungan wajar.

Jika dakwaan itu benar, ini ialah suatu perkara besar dan perlu diberi perhatian, katanya.

Penyiasatan yang rapi adalah perlu kerana kerajaan menerima laporan yang berbeza-beza mengenai perkara

itu, katanya.

Bercakap kepada pemberita di akhir lawatannya ke Terengganu di Rumah Tetamu di sini, Perdana Menteri berkata beliau semalam menemui wakil Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) untuk membincangkan perkara yang ada kaitan dengan kepentingan nelayan.

Mengenai dakwaan kononnya sembilan daripada 40 bot K & I mendaratkan ikan tuna di Pattani di selatan Thailand, Perdana Menteri berkata beliau belum menerima laporan seumpama itu.

"Apa yang diterima ialah laporan bahawa 37 daripada 40 bot K & I sudah mendaratkan hasil tangkapan mereka di Pelabuhan Kuantan. Mungkin sebahagian daripada bot itu membawa ikan yang sudah dikenakan cukai ke Thailand.

"Bagaimanapun, nelayan tempatan mungkin tersalah anggap. Saya akan mendapat laporan sebenar mengenai perkara itu," tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan mahu syarikat yang menangkap ikan tuna itu menggunakan kontena pada masa depan supaya ia menyenangkan semua pihak.

Beliau berkata kerajaan tidak dapat mengarahkan bot yang menjalankan operasi kerjasama itu mendaratkan hasil tangkapan di Terengganu kerana ia tidak disukai oleh sesetengah nelayan Terengganu.

Bagi kerajaan, perkara di mana sahaja bot itu mendarat tidak menjadi masalah kerana kutipan cukai akan tetap dibuat oleh Kerajaan Pusat.

Beliau menyifatkan masalah yang berlaku sekarang mengenai operasi kerjasama itu sebagai perkara biasa pada awal pelaksanaannya.